

29 AUG 1996

MAHATHIR RASMI SHERATON LABUAN HOTEL BERHARGA RM87 JUTA

LABUAN, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Sheraton Labuan Hotel, satu-satunya hotel antarabangsa bertaraf lima bintang di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) Malaysia.

Dalam ucapan ringkasnya, Dr Mahathir menggesa pengurus hotel itu menyediakan perkhidmatan bermutu dan memastikan tetamu hotel merasa selesa.

"Perkhidmatan yang bermutu adalah penting untuk menarik pelabur-pelabur kewangan ke Labuan," katanya.

Hotel berharga RM87 juta itu, dimiliki oleh Faber Group Bhd, diuruskan oleh ITT Sheraton Corporation yang berpangkalan di Boston.

Sheraton Labuan Hotel, harta Sheraton yang keempat di Malaysia, telahpun mengadakan pelancaran tidak rasmi pada April lalu.

Sementara itu, pengurus akaun jualan hotel tersebut, Kuhen Navaratnam memberitahu Bernama hotel itu menikmati kadar penginapan 70 peratus, kadar yang mengatasi unjuran 30 peratus.

Kuhen berkata IOFC Labuan pastinya dapat menarik pelabur di rantau ini, terutamanya dari institusi kewangan.

Tahun lalu, pulau tersebut mencatatkan hanya 180,000 pelawat yang tiba melalui pesawat Malaysia Airlines. Sehingga Julai tahun ini, bilangannya telah mencapai 150,000.

Hotel itu terletak lima kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Labuan dan bertentangan dengan Pusat Kewangan berharga RM360 juta, yang juga dirasmikan oleh perdana menteri hari ini. -- BERNAMA

JSM MA